

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL
RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 06 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menerangkan sekiranya kontrak 1Bestarinet akan disambung walaupun ianya telah menyebabkan kerugian beratusan juta Ringgit Malaysia ke atas Kementerian Pendidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontrak 1BestariNet Fasa 2 antara Kerajaan dan Syarikat YTLN telah berakhir pada 30 Jun 2019 dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak bercadang untuk menyambung kontrak 1BestariNet. Pada masa ini, KPM telah menyediakan talian internet melalui Pakej Interim Perkhidmatan Internet dengan tiga (3) penyedia perkhidmatan internet iaitu Telekom Malaysia Berhad, Celcom Mobile Sdn. Bhd. dan Maxis Broadband Sdn. Bhd.

Sekian, terima kasih